

JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR

Bahagian Kesihatan Awam

Jalan Persiaran Permai

81200 Johor Bahru

JOHOR DARUL TA'ZIM

TEL : 07-2356136 / 2269 / 2362279

FAKS : 07-2356221 / 07-2363305

Portal Rasmi : <http://jknjohor.moh.gov.my>

"Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab"

Ruj. Tuan :

Ruj.Kami : JKNJ(K) 30(4)/156Jld.5(31)

Tarikh : 20 Jun 2021

Pegawai Kesihatan Daerah

Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru / Kluang / Muar / Tangkak / Batu Pahat / Kulai / Kota Tinggi / Segamat / Pontian / Mersing

Tuan/Puan,

MENINGKATKAN PENGESANAN AWAL PENYAKIT HIV DAN SIFILIS DI KALANGAN IBU HAMIL YANG BERISIKO TINGGI DI NEGERI JOHOR.

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa berdasarkan Mesyuarat Penyelaras Kes Berkaitan *Program of Mother To Child Transmission (PMTCT)* Bagi Penyakit Sifilis Peringkat Negeri Johor Bil 1/2021 bersetuju untuk meningkatkan pengesanan awal bagi penyakit HIV dan Sifilis di kalangan ibu hamil yang berisiko tinggi di Negeri Johor sepertimana di Lampiran A.

3. Oleh yang demikian, semua ibu mengandung yang dikenalpasti berisiko tinggi tersebut hendaklah WAJIB menjalani ujian saringan HIV dan ujian saringan Rapid Plasma Reagin (RPR) semasa *booking* dan mengulangnya pada usia kandungan 28 minggu serta 36 minggu sekiranya negatif sebelumnya.

4. Diharapkan pihak tuan/puan dapat memanjangkan makluman ini kepada semua pegawai di bawah seliaan tuan/puan untuk tindakan seterusnya. Diharapkan dengan kerjasama pihak tuan/puan dapat mengukuhkan lagi program ini di Negeri Johor.


5. Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan Dr Nurmawati Ahmad, Ketua Penolong Pengarah Kanan, Unit HIV/STI/Hepatitis C, Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Johor di talian 0197772971. Segala kerjasama daripada pihak tuan/puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DR. SHAHAROM NOR AZIAN BINTI CHE MAT DIN) MMC 27472

(Pakar Perubatan Kesihatan Awam)

Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)

Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Drnurmawati/ella/hiv2021

s/k: **Ketua Penolong Pengarah Kanan**
Unit Kesihatan Ibu dan Anak (MCH),
Jabatan Kesihatan Negeri Johor (Bahagian Kesihatan Awam)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO:QMS 02301

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO:QMS 02301

**SENARAI KRITERIA IBU HAMIL YANG DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI BERISIKO
TINGGI BAGI PENYAKIT HIV DAN SIFILIS**

- 1) Kehamilan remaja
- 2) Ibu hamil tunggal
- 3) Ibu hamil yang mempunyai pasangan tetapi tidak daftarkan pernikahan
- 4) Ibu hamil yang bernikah lebih dari 1 kali
- 5) Ibu hamil yang pernah bercerai dan kemudian bernikah semula dengan pasangan yang sama atau berlainan selepas bercerai dalam tempoh yang lama.
- 6) Ibu hamil yang tinggal atau datang daripada kawasan pedalaman / orang asli
- 7) Ibu hamil yang mempunyai sosioekonomi tidak stabil/rendah
- 8) Ibu hamil atau pasangannya merupakan warganegara asing atau pendatang tanpa izin
- 9) Ibu hamil yang salah seorang pasangan bekerja jarak jauh.
- 10) Pasangan yang sering bekerja di luar dalam tempoh lama.
- 11) Pasangan kepada ibu hamil tersebut mempunyai pasangan/isteri lebih dari seorang.
- 12) Mempunyai hubungan kelamin lebih dari satu pasangan.
- 13) Ibu hamil yang mempuat hubungan kelamin tanpa sebarang alat pencegahan kehamilan tanpa nikah atau dengan berbilang pasangan.
- 14) Ibu hamil yang pernah mendapatkan rawatan sebarang jenis penyakit kelamin
- 15) Ibu hamil yang merupakan pekerja seks
- 16) Mempunyai sejarah kehamilan stillbirth / keguguran (miscarriage) walaupun sekali.
- 17) Mempunyai sejarah kehamilan yang tidak didaftarkan (un-booked / unscreened)
- 18) Ibu hamil atau pasangannya mempunyai sejarah atau masih minum arak/ mengambil sebarang bentuk dadah / klien methadone/ disahkan HIV atau sebarang penyakit kelamin.